

**TEKS UCAPAN
YANG DIPERTUA MPSP
SEMPENA
BENGKEL PEMBANGUNAN PAKEJ *BIRDWATCHING* PULAU PINANG
20 OGOS 2016 (SABTU), JAM 8:30 PAGI
DEWAN PENEMPATAN BANJIR LUBUK MERIAM
TASEK GELUGOR (HOMESTAY LAHAR YOOI)**

Yang Berusaha Encik Harun Pilus

Pengarah Tourism Malaysia Penang

Yang Berusaha Encik Hishamuddin Mustafa

Timbalan Pengarah Bahagian Pembangunan Pakej, Tourism Malaysia

Yang Berusaha Encik Tan Choo Eng

Panel dari Malaysia Nature Society Penang

Wakil-wakil dari Agensi Pelancongan

Pengusaha-pengusaha Homestay

Rakan-rakan Media

Tuan-tuan dan Puan-puan hadirin sekalian

.....

Assalamualaikum wbth, salam sejahtera dan selamat pagi.

Alhamdulillah, bersyukur kita kehadiran Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurniaNya dapat kita bersama-sama berhimpun pada hari ini bagi menghadiri bengkel pembangunan pakej birdwatching di Pulau Pinang. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Toursim Malaysia kerana sudi menjemput saya untuk turut serta dalam bengkel ini.

Saya difahamkan tujuan bengkel ini diadakan adalah bagi memberi maklumat berguna secara terus kepada pengusaha homestay serta operator pelancongan berkiatan perkara-perkara penting yang harus ada bagi sesebuah pakej pelancongan. Selain itu, pengusaha homestay dan operator pelancongan juga akan didedahkan tentang tatacara maklumat penting bagi menyediakan sesebuah pakej pelancongan.

Untuk makluman tuan / puan,

Seberang Perai mempunyai banyak lokasi-lokasi yang boleh dipromosikan kepada pelancong. Kini, saya melihat eko-pelancongan & homestay

mempunyai potensi perkembangan yang besar dalam industri pelancongan. Negeri Pulau Pinang, khususnya Seberang Perai mempunyai potensi yang tinggi untuk menjadi destinasi eko-pelancongan di rantau ini dengan kehijauan semulajadinya dan kebudayaan tempatan yang ada. Walaupun, Pulau Pinang menarik perhatian pelancong asing dengan latar belakang warisanya, tetapi sudah tiba masanya bagi Pulau Pinang untuk memelopori satu lagi sektor yang sangat berpotensi dalam industri pelancongan iaitu sektor eko-pelancongan.

Saya difahamkan bahawa Seberang Perai mempunyai beberapa kawasan yang berpotensi untuk dibangunkan sebagai destinasi eko-pelancongan. Di antaranya, Hutan Pelajaran Air Hitam Dalam, Teluk Air Tawar - Kuala Muda kawasan sekitar bakau Kuala Bekah di Penaga, Seberang Perai Utara, Pulau Burung dan Hutan Lipur Bukit Panchor Seberang Selatan adalah diantara lokasi-lokasi yang berpotensi untuk dibangunkan sebagai destinasi eko-pelancongan yang boleh menarik sifat pelancong penyayang dari luar negara dan juga penduduk tempatan. Kawasan-kawasan ini juga menjadi destinasi persinggahan untuk beribu-ribu ekor burung yang terdiri dari beratus-ratus sepsis pada setiap tahun.

Di Teluk Air Tawar - pantai Kuala Muda juga merupakan satu kawasan yang penting bagi persinggahan burung-burung dimana pencinta burung mengenlapansti terdapat beberapa spesies burung yang jarang ditemui telah dilihat di kawasan tersebut sejak kebelakangan ini. Pemerhati burung dari luar negara seperti Jepun dan Korea juga sering melawat tempat-tempat ini untuk aktiviti memerhati burung. Jika kawasan itu dipromosikan sebagai tempat eko pelancongan dan ditambah dengan homestay yang berada di sekitarnya, ia akan menarik pencinta alam semula jadi dari seluruh dunia dan menjadikan Seberang Perai sebuah destinasi eko-pelancongan utama di rantau ini.

Melalui pelancongan, penduduk tempatan juga dapat menerima faedah dari segi ekonomi dan sosial. Sektor pelancongan bukan sahaja akan meningkatkan peluang pekerjaan dan pendapatan masyarakat setempat tetapi ia juga melibatkan komuniti tempatan dalam proses pengurusan dan perancangan sumber semulajadi iaitu memelihara dan memulihara sumber alam semulajadi. Dari segi aspek sosial, pelancongan dapat memperbaiki pemahaman dan penghargaan pelancong terhadap kebudayaan masyarakat setempat yang dapat menggalakkan dan menguatkan warisan kebudayaan.

Akhir sekali, saya berharap tuan-tuan dan puan-puan sekalian boleh memanfaatkan tips-tips berguna yang diberikan untuk memajukan homestay tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Bersama-sama kita membangunkan pelancongan di Seberang Perai.

Sekian, Wabillah hitaufik wal hidayah, wassalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh. Terima kasih.